

Gestapu Dan Penyelesaian Konfrontasi Malaysia - Indonesia

MOHAMAD RODZI ABD RAZAK

PENGENALAN

Jangkamasa antara tahun 1963-1966 memperlihatkan kegentingan hubungan antara Malaysia dan Indonesia ekoran tercetusnya peristiwa konfrontasi antara kedua-dua negara yang melibatkan aspek ekonomi, ketenteraan dan propaganda politik. Lanjutan dari itu usaha-usaha perdamaian dijalankan oleh pelbagai pihak bagi menamatkan krisis berkenaan namun menemui kegagalan. Konfrontasi yang bermula sejak 16 September 1963 berlaku secara agresif terutamanya disepanjang tahun 1964 dan 1965. Sepanjang tempoh itu, berlaku tindakan-tindakan agresif Indonesia bagi menghancurkan Malaysia sejajar dengan motto konfrontasi mereka iaitu Ganyang Malaysia. Akibat tindakan agresif yang dijalankan oleh Indonesia terutamanya pencerobohan oleh pihak tentera memaksa Malaysia membawa kes berkenaan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk diselesaikan. Untuk membolehkan krisis berkenaan diatasi, pelbagai pihak tampil memberikan kerjasama sebagai pendamai tetapi tidak mendatangkan kesan yang optima. Banyak pihak berpendapat keegoan Indonesia khususnya Presiden Sukarno membataskan kejayaan usaha perdamaian yang telah dijalankan ekoran keazaman beliau untuk menghapuskan Malaysia. Namun begitu, tindakan agresif konfrontasi Indonesia reda menjelang suku akhir tahun 1965. Perkembangan tersebut dikaitkan dengan tercetusnya satu peristiwa yang boleh dianggap sebagai titik kejatuhan kerajaan Indonesia pimpinan Sukarno. Peristiwa yang dimaksudkan itu ialah Gerakan September 30 atau lebih dikenali sebagai GESTAPU. Artikel ini akan memberi tumpuan kepada perkembangan GESTAPU yang menjadi batu loncatan kepada tamatnya konfrontasi sekaligus memulihkan semula hubungan Indonesia dan Malaysia.

PERKEMBANGAN GESTAPU

GESTAPU secara umumnya telah diperlihatkan oleh pengkaji-pengkaji hubungan Malaysia-Indonesia sebelum ini sebagai insiden yang mempercepatkan kejatuhan karier politik Sukarno. Peristiwa GESTAPU pada asasnya bermula apabila terdapat cubaan sekumpulan pegawai pertengahan dalam angkatan tentera Indonesia termasuk Leftenan Kolonel Untung¹ dan Kolonel Latief yang merancang untuk bertindak terhadap jeneral-jeneral yang berpengaruh dalam Pemerintah Tertinggi Tentera Indonesia. Mereka berbuat demikian kerana terdapat laporan bahawa kumpulan jeneral berkenaan telah membentuk Dewan Jeneral (Generals Council) yang bertujuan menjatuhkan Sukarno pada 5 Oktober 1965 iaitu pada hari sambutan ulangtahun Angkatan tentera Indonesia atau sekurang-kurangnya melemahkan kedudukan kuasa beliau secara serius.²

Pada awal pagi 1 Oktober 1965, atas arahan Untung dan Latief, enam orang Jeneral Tertinggi dalam angkatan tentera Indonesia telah ditahan di rumah mereka dan di bawa ke Pengkalan Tentera Udara Halim berhampiran Jakarta.³ Mereka ialah Left. Jeneral Achmad Yan⁴, Mej. Jeneral Suprapt⁵, Mej. Jeneral Harjono⁶, Mej. Jeneral S. Parman⁷, Brig. Jeneral D.I Pandjaita⁸, dan Brig. Jeneral Sotojo Siswomihardjo⁹. Left. Jeneral Nasution¹⁰ yang merupakan senarai ketujuh sasaran anggota GESTAPU bagaimanapun berjaya melepaskan diri tetapi pembantu beliau telah terbunuh kerana disangkakan sebagai Nasution¹¹ Tiga daripada jeneral yang ditawan itu dibawa ke Lubang Buaya berhampiran Pengkalan Tentera Udara Halim dan mereka dibunuh di sana manakala selebihnya terbunuh ketika serbuan dibuat ke rumah mereka.¹² Mayat mereka dikatakan dihumban ke dalam sebuah lubang dalam yang berdekatan tempat tersebut. Gerakan penculikan itu telah dilaksanakan oleh Pengawal Khas Regimen Pengawal Istana yang dikenali sebagai Cakrabirawa. Di samping itu, dua platun dari Briged Infantri Pertama, Tentera Kawasan Jakarta dan satu unit Briged payung terjun kawasan berkenaan juga terlibat dalam misi berkenaan di samping bantuan dua batalion pasukan komando dari Jawa Tengah dan Timur.¹³ Beberapa buah lori, bas serta senjata tangan dari pasukan tentera darat, laut dan udara telah digunakan untuk menjayakan gerakan tersebut.¹⁴

Pada pagi 1 Oktober juga, anggota GESTAPU telah mengemukakan maklumat dan deklarasasi mengenai matlamat dan perkembangan gerakan melalui stesyen radio Jakarta. Siaran yang dibuat pada jam 7.00 pagi itu menyebut tindakan Untung itu merupakan usaha untuk menyelamatkan Presiden Sukarno dari tindakan menentang beliau dan negara Indone-

sia.¹⁵ Pengumuman itu juga menyatakan, Majlis Jeneral berkenaan mendapat dokongan CIA dan merancang untuk merampas kuasa sejak Presiden Sukarno jatuh sakit pada bulan Ogos.¹⁶ Senarai nama jeneral yang ditahan juga diisytiharkan dengan dakwaan mereka mengetuai Dewan Jeneral untuk melakukan rampasan kuasa (*coup de'tat*) pada 5 Oktober 1965 iaitu Hari Sambutan Ulangtahun Angkatan Tentera. Mereka juga dikatakan telah membawa pasukan-pasukan tentera dari Jawa Barat, Tengah dan Timur untuk melaksanakan cita-cita tersebut.¹⁷ Jeneral-jeneral berkenaan juga didakwa sebagai gila kuasa, mengabaikan kesejahteraan pasukan, hidup mewah, merendahkan martabat wanita dan membazirkan wang negara.¹⁷ Oleh itu, gerakan tersebut dinyatakan sebagai usaha menghalang *coup de'at* yang merupakan gerakan murni dari dalaman Tentera Darat untuk menentang Dewan Jeneral.

Gerakan itu juga secara rasmi telah diumumkan sebagai GESTAPU dengan rakyat dimaklumkan bahawa ia mendapat sokongan pegawai dan pasukan dalam angkatan tentera. Pendokong gerakan itu juga menjelaskan bahawa Majlis Revolusi Kebangsaan akan dibentuk termasuk di wilayah-wilayah dan daerah di Indonesia dengan tujuan mengadakan pilihanraya umum sebagai usaha pemulihan Kabinet Kebangsaan yang akan menyatukan seluruh parti di Indonesia termasuk PKI²⁰ Di samping itu, Majlis berkenaan juga akan mentadbir Indonesia berdasarkan dasar yang telah diasaskan oleh Sukarno seperti politik luar negeri yang bebas dan aktif menentang neo-kolonialisme.²¹ Sementara itu, Presiden Sukarno juga dilaporkan berada dalam keadaan selamat dan berita ini telah memberi kelegaan kepada rakyat Indonesia yang menyokong beliau.²²

Kelegaan itu bagaimanapun hanya bersifat sementara kerana pada malam 1 Oktober itu juga, rakyat Indonesia dikejutkan dengan ucapan melalui siaran radio yang dibuat oleh Panglima KOSTRAD (Komando Strategi Angkatan Darat), Mejar Jeneral Suharto.²³ Beliau menyifatkan tindakan anggota-anggota GESTAPU itu sebagai gerakan kontra-revolusioner ekoran tindakan menahan enam orang jeneral termasuk Panglima Angkatan Darat, Jenaral Achmad Yani.²⁴ Pembentukan Majlis Revolusi pula dianggap sebagai *coup de'tat* melawan Sukarno. Dalam ucapan berkenaan juga, Suharto turut mengisytiharkan bahawa beliau telah mengambil alih kepimpinan Angkatan Darat yang mencapai persetujuan bersama Angkatan Laut dan Polis untuk bersatu menentang dan menghapuskan GESTAPU.²⁵ Menurut M.R Siregar, selepas pengumuman tersebut bermulalah penentangan besar-besaran terhadap

pihak komunis. Gerakan tersebut disifatkan sebagai rampasan kuasa menentang Sukarno, didalangi oleh PKI dan Sukarno sendiri akhirnya didakwa terlibat dalam gerakan tersebut²⁶

Menurut sumber kerajaan Indonesia, pada 4 Oktober 1965, terdapat bukti yang menunjukkan PKI terlibat dalam rampasan kuasa tersebut.²⁷ PKI dianggap cuba membina kembali kekuatan mereka setelah terlibat dalam pemberontakan di Madiun yang disifatkan sebagai pemberontakan pertama PKI di negara itu.²⁸ Hasil dari sidang Mahkamah Militer Luar Biasa (MAHMILUB), kerajaan Indonesia cuba memperlihatkan penglibatan PKI dalam peristiwa tersebut. PKI dianggap dalang dan pelaku yang mula merancang pemberontakan tersebut sejak tahun 1954.²⁹ Justeru itulah maka Gerakan 30 September juga dikenali sebagai G30S/PKI. Selepas pemberontakan Madiun, PKI dikatakan bersedia untuk melakukan pemberontakan kedua iaitu GESTAPU. Penglibatan PKI dalam peristiwa tersebut turut disokong oleh pengkaji-pengkaji seperti Guy Parker, Arnold Brackman, Harold Crouch dan juga Justus M. van der Kroef.³⁰

Tanggapan tersebut bagaimanapun dinafikan oleh M.R Siregar yang menganggap pembuktian tersebut sebagai sejarah *yang dipalsukan*.³¹ Di samping itu, terdapat juga pengkaji seperti Benedict Anderson, Ruth McVey, W.F Wertheim dan Coen Holtzappel yang cuba menilai kembali kewujudan PKI dalam peristiwa GESTAPU. Sebahagian mereka seperti Holtzappel menganggap peristiwa GESTAPU bukanlah angkara yang dicetuskan oleh PKI tetapi dilakukan oleh Angkatan Tentera Darat. Menurut beliau juga, tidak terdapat bukti kukuh yang menunjukkan PKI terlibat dalam GESTAPU. Beliau sebaliknya menganggap peristiwa tersebut dikuasai perisik pasukan tentera udara iaitu Mejar Suyono yang kemudiannya diteruskan oleh peranan angkatan darat³³

Menurut Coen Holtzappel, sebelum GESTAPU dilancarkan terdapat tiga pasukan khas yang meliputi keperluan ketenteraan dan pengurusan politik telah dibentuk antara 14 Ogos hingga 30 September 1965 sebagai persediaan mencapai matlamat tersebut. Kesemua operasi berkenaan berada di bawah pengawasan Pemerintah Pusat atau SENKO (Central Command) yang turut menguasai kuasa tentera, politik dan tanggungjawab yang berkaitan.³⁴ Pasukan khas pertama dikenali sebagai Pasopati yang diperintah oleh Left. Dul Arif, seorang pegawai di bawah Untung dalam Regimen Cakrabirawa.³⁵ Tugas kumpulan ini ialah menahan jeneral-jeneral yang telah disenaraikan untuk di bawa ke Pengkalan Udara Halim.³⁶ Pasukan kedua dikenali sebagai Pringgodani yang berperanan melindungi ahli politik-ahli politik dari serangan Dewan

Jenderal. Ahli-ahli politik itu ialah Sukarno, Aidit, Njoto, Ali Sastroamidjojo dan Subandrio.³⁷ Pasukan keempat pula dikenali sebagai Bimasakti yang berperanan memberikan sokongan taktikal dan juga aspek segi perhubungan khususnya telefon dan penyiaran.³⁸

Di sebalik kecaman-kecaman yang dikemukakan terhadap pemberontak-pemberontak GESTAPU terdapat juga pandangan yang menyatakan peristiwa tersebut adalah perancangan Amerika Syarikat melalui CIA dan pegawai-pegawai TNI yang dilatih oleh mereka. Terri Cavanagh menganggap cubaan rampasan kuasa yang dilakukan oleh Kolonel Untung itu sebagai palsu.³⁹ Menurut beliau, penculikan jeneral-jeneral dalam rampasan kuasa itu tidak melibatkan Suharto walaupun Untung dianggap berkemampuan untuk menangkap dan menyerang pusat komandonya di Jakarta manakala Jeneral Nasution dianggap berjaya menyelamatkan diri secara ajaib. Dengan perkembangan itu, Suharto dapat menewaskan pemberontakan tersebut dalam tempoh 24 jam dan menguasaisemula Jakarta dengan bantuan Nasution.⁴⁰

Cavanagh juga mendakwa cubaan rampasan kuasa tersebut sebagai perancangan yang dilakukan oleh CIA dan Agen Perisikan Rahsia Australia (ASIS) untuk menentang gerakan revolusi rakyat Indonesia. Dalam hal ini, agen-agen berkenaan dikatakan telah melatih dan membangunkan angkatan bersenjata Indonesia sebagai persiapan untuk membentuk sebuah regim tentera bagi mencapai matlamat tersebut. Di samping itu, peristiwa GESTAPU juga dianggap sebagai keinginan Amerika Syarikat sejak di bawah kepimpinan Presiden Eisenhower untuk menguasai kekayaan hasil bumi Indonesia terutamanya selepas kedudukan negara berkenaan di Indo-China tergugat.⁴² Cavanagh juga turut mengaitkan GESTAPU sebagai usaha Amerika Syarikat yang mempergunakan Suharto untuk menjaga kepentingan mereka di negara itu. Beliau cuba membuktikan kenyataan tersebut melalui Laporan Jabatan Luar Negeri Amerika Syarikat pada tahun 1975 yang menyifatkan Indonesia sebagai sebuah kawasan paling strategik di dunia yang perlu dikuasai.⁴³

Ekoran wujudnya tanggapan GESTAPU didalangi oleh PKI, dalam tempoh empat bulan selepas peristiwa tersebut, anggota PKI dan mereka yang disyaki terlibat dengan komunis menghadapi tekanan yang cukup hebat. Menurut Bertrand Russell, dalam tempoh empat bulan itu jumlah mereka yang dibunuh menyamai jumlah korban Perang Vietnam selama dua belas tahun.⁴⁴ Dianggarkan tidak kurang sejuta anggota komunis dan mereka yang dikaitkan telah dibunuh dengan kejam oleh pihak tentera dan golongan anti-komunis. Di samping itu, terdapat juga

pandangan yang menyatakan antara 1.7 juta sehingga 1.8 juta orang yang dianggap terlibat dengan komunis menjadi korban dalam pelbagai bentuk penentangan dari pihak anti-komunis.⁴⁵

Ringkasnya, peristiwa GESTAPU yang merupakan salah satu tragedi berdarah yang paling dashyat dalam sejarah Indonesia ini telah menimbulkan kontroversi antara pendokong Sukarno dan golongan yang menentang beliau. Namun begitu, signifikan yang lebih menarik dari peristiwa tersebut ialah ia telah menjadi pemangkin untuk Indonesia memulihkan hubungan dengan Malaysia dan kehilangan kuasa yang dimiliki oleh Sukarno menjadi penentu utama dalam proses menamatkan sengketa antara kedua-dua negara.

KONFRONTASI TAHAP AKHIR

Peristiwa GESTAPU dapat dianggap kemenangan bagi Malaysia dalam menghadapi konfrontasi Indonesia. Peristiwa tersebut juga seolah-olah mengimbangi peristiwa pemisahan Singapura dari Malaysia dua bulan sebelumnya. Justeru itu, kejadian GESTAPU disambut baik oleh Malaysia kerana ia memberi harapan terhadap penghapusan pengaruh PKI dan sekaligus membolehkan konfrontasi di tamatkan. Namun begitu, proses pemulihan hubungan antara kedua-dua negara tidak pula tercapai dalam jangkamasa yang singkat. Walaupun GESTAPU dianggap sebagai titik kejatuhan Sukarno namun pada hakikatnya beliau masih berkuasa untuk beberapa tempoh waktu selepas itu. Lanjutan dari itu, dasar konfrontasi Indonesia masih berterusan sebagai agenda penting dalam dasar luar Indonesia dan ia berterusan sehingga bulan Mac 1966 iaitu selepas pembentukan kabinet baru Indonesia yang dipimpin oleh Presiden Suharto.

Antara 1 Oktober 1965 sehingga Mac 1966, dasar agresif konfrontasi Indonesia masih berlanjutan walaupun ia agak kendur berbanding sebelumnya. Walaupun begitu, Indonesia berulang kali menyatakan bahawa dasar konfrontasi terhadap Malaysia akan diteruskan. Pada Oktober 1965 umpamanya, Major Jeneral Sugandhi, jurucakap kepada Jeneral Nasution telah mengisytiharkan bahawa pemimpin Malaysia mempunyai pemikiran yang salah jika beranggapan konfrontasi akan dapat diselesaikan dengan segera.⁴⁶ Beliau turut menjelaskan bahawa Indonesia akan meneruskan dasar konfrontasi termasuk konfrontasi ketenteraan di sepanjang sempadan kedua-dua negara dan beliau menyatakan bahawa mereka tidak akan berkompromi dengan Malaysia yang dianggap sebagai neo-kolonialisme.⁴⁷

Pandangan tersebut disokong oleh Sukarno dan Subandrio yang menyatakan bahawa konfrontasi yang bermatlamat menghancurkan Malaysia akan diteruskan walaupun terdapat cubaan rampasan kuasa di negara itu. Beliau menolak dakwaan untuk meredakan dasar konfrontasi sebaliknya menyatakan dasar tersebut akan ditingkatkan kerana masih beranggapan penubuhan Malaysia bermatlamat untuk mengancam kedaulatan Indonesia.⁴⁸ Menurut Subandrio, Indonesia masih tidak berpuashati dengan cara penentuan kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Malaysia ekoran keengganan Tunku Abdul Rahman menangguk keputusan berhubung kemasukan negeri-negeri tersebut seperti yang dituntut oleh Indonesia.⁴⁹ Beliau juga menjelaskan bahawa Indonesia tetap menuntut perbincangan mengenai masa depan wilayah itu dilakukan sehingga mereka berpuashati.⁵⁰

Dalam perkembangan berkaitan juga, Sukarno telah menafikan bahawa beliau telah menghantar wakil pendamai ke Kuala Lumpur untuk berunding bagi menamatkan konfrontasi.⁵¹ Beliau mendakwa perkara tersebut dilakukan oleh orang tengah yang tidak diiktiraf oleh negaranya. Beliau turut menjelaskan bahawa :

Indonesian confrontations is still on and has never been relaxed. It will continue until Malaysia has been crushed.⁵²

Sukarno turut memberi amaran jika Britain terus menyerang Indonesia, Singapura akan dimusnahkan dalam masa sehari di samping mengalukan rundingan dengan Malaysia jika Tunku Abdul Rahman bersedia merujuk kembali Perjanjian Manila.⁵³ Dalam kenyataan yang berasingan pula, Jeneral Nasution turut menafikan penglibatan tentera Indonesia dalam penghantaran agen pendamai tersebut. Menurut beliau, keamanan hanya akan di capai jika Malaysia memenuhi tuntutan negara itu berhubung proses penubuhan Malaysia dan pengkalan tentera asing di Singapura dibubarkan.⁵⁴

Sementara itu, Tunku Abdul Rahman dalam kenyataan balasnya menjelaskan pendirian untuk tidak menemui Sukarno sehingga beliau yakin terhadap keikhlasan Sukarno dan Indonesia.⁵⁵ Beliau kemudiannya menyebut:

I have so many meetings with Sukarno in Tokyo and Manila. But each time he never stuck to his word. Unless I can be convinced that some good will come out of it, I am going to fight shy of meeting him.⁵⁶

Menjelang akhir Februari 1966 terdapat usaha yang cuba dilakukan oleh Presiden Marcos dari Filipina untuk menyelesaikan pertikaian Malaysia dan Indonesia melalui sidang kemuncak antara beliau, Sukarno dan Tunku Abdul Rahman.⁵⁷ Cadangan tersebut di sambut baik oleh Subandrio yang menjelaskan kesediaan negaranya untuk menghadiri sebarang mesyuarat MAPHILINDO yang sedang diatur oleh Filipina bagi menyelesaikan konflik yang timbul.⁵⁸ Walaubagaimanapun, Sukarno memberikan reaksi berbeza apabila menyatakan keengganan beliau untuk bertemu dengan Tunku Abdul Rahman dan berikrar akan meneruskan dasar konfrontasi.⁵⁹ Sukarno juga menafikan bahawa beliau akan menghadiri sidang kemuncak yang sedang diatur itu. Menurut Sukarno, akhbar-akhbar khususnya di Manila sengaja membesar-besarkan laporan mengenai sidang kemuncak itu sedangkan beliau sendiri tidak tahu menahu mengenainya dan menolak sebarang perundingan selagi Malaysia masih wujud.⁶⁰

Di pihak Malaysia pula, usaha tersebut di sambut baik oleh Tunku Abdul Rahman namun beliau mengenakan tiga syarat utama sebelum pertemuan tersebut boleh dilangsungkan. Selepas mesyuarat kabinet pada 6 April 1966, Tunku Abdul Rahman menyatakan kesediaan beliau menghadiri pertemuan tersebut jika Presiden Marcos dan Filipina dapat memenuhi syarat-syarat berikut :

- i. Presiden Marcos hendaklah mengadakan rundingan terlebih dahulu dengan Sukarno bagi menentukan kejujuran dan hasratnya untuk berdamai dengan Malaysia.
- ii. Filipina perlu meyakinkan Malaysia terhadap hasrat Sukarno untuk berdamai. Singapura perlu disertakan sebagai anggota dalam perbincangan tersebut kerana negara itu mempunyai hubungan rapat dengan Malaysia.

Pertemuan yang dirancangkan itu bagaimanapun tidak menjadi kenyataan dan konfrontasi Indonesia masih meneruskan dasar konfrontasi mereka terhadap Malaysia. Keadaan tersebut kemudiannya menampakkan perubahan apabila Suharto mengambilalih kuasa pemerintahan Indonesia pada bulan Mac 1966.

PERALIHAN KUASA DI INDONESIA.

Pada 11 Mac 1966, Sukarno (atas nama Presiden) telah menyerahkan kuasa kepada Suharto untuk mengambil tindakan-tindakan bagi menjamin keselamatan, keamanan dan kestabilan negara itu.⁶¹ Pada 12 Mac pula, satu deklarasikan telah dikeluarkan yang mengharamkan PKI kerana aktiviti parti itu dianggap membahayakan revolusi Indonesia, menyukarkan pemulihan ekonomi dan konfrontasi dengan Malaysia. Walaupun berlaku peralihan kuasa tetapi Suharto pada 13 Mac secara rasmi mengumumkan bahawa konfrontasi terhadap Malaysia akan diteruskan. Dua hari berikutnya, Kolonel Soenarjo iaitu Ketua Penerangan KOGAM mengisytiharkan penerusan dasar itu sehingga Malaysia berjaya dihancurkan.⁶²

Penerusan dasar itu, telah mendapat tentangan dalaman Indonesia sendiri. PSII dan Kesatuan Aksi Mahasiswa Indonesia (KAMI) merupakan penentang utama dasar tersebut. Mereka menuntut kerajaan baru Indonesia agar tidak mengorbankan keperluan dalam negeri untuk kepentingan dasar luar.⁶³ Presiden PSII, H. Anwar Tjokroaminoto umpamanya menyifatkan dasar luar Indonesia telah mengalami kegagalan sepenuhnya malahan turut mengakibatkan mereka kehilangan negara sahabat. KAMI juga menuntut kerajaan Indonesia mengutamakan kepentingan dalam negeri khususnya pemulihan ekonomi daripada menumpukan perhatian kepada dasar luar khususnya konfrontasi.⁶⁴ Pada 27 Mac Suharto mengumumkan kepada rakyat Indonesia bahawa kabinet baru yang akan dibentuk mempunyai tiga matlamat utama iaitu :

- i. merealisasi dan memenuhi keperluan rakyat.
- ii. menghapuskan semua pengkhianat dari revolusi negara itu
- iii. sedaya upaya meneruskan konfrontasi menentang Malaysia

Petanda baik untuk memulihkan hubungan Indonesia dan Malaysia menjadi lebih cerah menjelang akhir Mac 1966. Walaubagaimanapun, Suharto dalam pertemuannya dengan Duta Australia di Indonesia pada 31 Mac 1966 masih menganggap penubuhan Malaysia sebagai ancaman kepada Indonesia dan beliau tidak dapat menerima jiran yang boleh membahayakan negaranya.⁶⁵ Dalam ucapannya pada 30-31 Mac pula, beliau menyatakan pintu untuk rundingan damai masih terbuka. Namun begitu, beliau menegaskan bahawa konfrontasi mungkin dikekalkan untuk jangkamasa yang lebih panjang selagi pengkalan tentera Britain masih terdapat di Malaysia.⁶⁶ Sementara itu, Adam Malik dalam

masih terdapat di Malaysia.⁶⁶ Sementara itu, Adam Malik dalam pertemuannya dengan Duta Amerika Syarikat ke Indonesia, Marshall Green telah membangkitkan kedudukan Sabah dan Sarawak di dalam Malaysia terutamanya terhadap kemungkinan negeri-negeri itu akan keluar dari Malaysia seperti yang dilakukan oleh Singapura.⁶⁷ Green dalam jawapan balasnya menjelaskan bahawa konfrontasi Indonesia sebenarnya telah merapatkan lagi hubungan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak kerana mereka memikul tanggungjawab bersama dan menasihati Indonesia supaya menghentikan konfrontasi ketenteraan mereka.⁶⁸ Konfrontasi juga menyebabkan Indonesia kehilangan negara sahabat termasuk Amerika Syarikat dan hasil pertemuan tersebut Adam Malik menyatakan persetujuan bahawa konfrontasi perlu diredakan dan kemudiannya ditamatkan dengan segera.⁶⁹ Dalam pertemuannya dengan Andrew Gilchrist dua hari selepas itu, Duta British di Indonesia itu menjelaskan kepada Adam Malik bahawa rundingan perdamaian akan lebih mudah dijalankan jika aktiviti konfrontasi dihentikan kerana tindakan tersebut akan mempengaruhi pemikiran Tunku Abdul Rahman untuk mengadakan rundingan.⁷⁰ Adam Malik kemudiannya menjelaskan, perkara tersebut sedang diuruskan melalui peranan B.M Diah iaitu duta mereka di Bangkok.⁷¹

Pembentukan kabinet baru dengan pelantikan Adam Malik sebagai Menteri Luar Indonesia dapat dianggap sebagai detik penting bagi memulihkan hubungan Indonesia dan Malaysia.⁷² Dalam kenyataannya pada 4 April 1966, Adam Malik menyatakan bahawa dasar luar Indonesia akan dikaji semula dan turut menyatakan keinginannya untuk menamatkan konfrontasi dalam jangkamasa yang singkat.⁷³ Pada 9 April, Suharto mengeluarkan kenyataan yang menggariskan objektif konfrontasi terhadap Malaysia dan turut mencadangkan bentuk yang lebih jelas dengan mengemukakan strategi baru untuk menamatkan konfrontasi. Dalam kenyataan itu, beliau turut menyatakan penentangan terhadap Malaysia bukan sekadar diasaskan kepada kedudukan pengkalan tentera Britain di Singapura tetapi juga disebabkan oleh penggunaan pengkalan tersebut sebagai pusat penghantaran bantuan kepada pemberontak anti-Jakarta pada masa lalu.⁷⁴ Di samping itu, beliau turut menyatakan matlamat utama Indonesia ialah untuk mendapatkan jaminan terhadap penentuan pendirian rakyat Borneo. Dalam perkembangan berkaitan, Adam Malik pula telah mengumumkan kesediaan Indonesia untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan Singapura tetapi pada masa yang sama beliau turut menggambarkan tindakan itu akan meningkatkan lagi sentimen konfrontasi.⁷⁵

Di Malaysia, Tunku Abdul Rahman dalam reaksinya kepada kenyataan Adam Malik itu menyifatkan rancangan Indonesia mengiktiraf hubungan dengan Singapura sebagai usaha untuk meningkatkan konfrontasi. Tunku Abdul Rahman juga menganggap walaupun Indonesia sentiasa menyatakan hasrat untuk menyelesaikan konfrontasi tetapi sebaliknya mereka tidak berusaha untuk meredakan ketegangan tersebut.⁷⁶ Singapura pula menurut beliau, harus memilih sama ada untuk bersahabat dengan Indonesia atau Malaysia.

USAHA PEMULIHAN HUBUNGAN

Sebelum tercetusnya peristiwa GESTAPU, telah terdapat usaha-usaha untuk memulihkan hubungan Malaysia dan Indonesia yang dilakukan secara sulit. Pada Ogos 1965, pegawai-pegawai tentera Indonesia telah berunding dengan pegawai kerajaan Malaysia atas arahan Komandan KOSTRAD iaitu Suharto.⁷⁷ Perbincangan secara rahsia ini dikatakan telah diatur oleh Des Alwi iaitu pemimpin PRRI dan sekurang-kurangnya tujuh rundingan sulit di luar negara telah berlangsung antara pegawai-pegawai berkenaan.⁷⁸ Selain itu, pegawai tentera Indonesia Kolonel Ali Moertopo turut mengadakan lawatan rahsia ke Malaysia manakala Ghazali Shafie juga dikatakan turut bertindak sedemikian dengan mengadakan perbincangan dengan pegawai-pegawai tentera Indonesia yang diketuai oleh Jeneral Nasution di Jakarta.⁷⁹ Rundingan itu berjalan lancar kerana isteri Ghazali Shafie mempunyai pertalian keluarga dengan Jeneral Nasution, manakala pegawai tentera seperti Kolonel Benny Moerdani adalah rakan karib beliau.⁸⁰ Menurut Ghazali Shafie dalam usaha melancarkan pakatan sulit ini, Benny Moerdani pernah menjadi pelayan di dalam kapal terbang yang berperanan sebagai perantara kepada rundingan-rundingan tersebut.⁸¹

Walaupun kenyataan Adam Malik pada 4 April itu merupakan petanda baik untuk memulihkan hubungan Indonesia dan Malaysia tetapi konfrontasi masih tidak dapat ditamatkan dengan segera. Kesukaran tersebut timbul kerana Sukarno dikatakan masih mendapat sokongan kumpulan tertentu dalam pasukan polis dan tentera. Selain itu, Sukarno juga masih mendapat tempat di hati rakyat khususnya penduduk Jawa Tengah dan Timur yang mencakupi separuh daripada jumlah penduduk Indonesia. Untuk mengelakkan dari tercetusnya perang saudara maka Suharto tidak menjalankan usaha untuk menamatkan konfrontasi dengan segera⁸² walaupun sebelum itu Tunku Abdul Rahman telah mengumumkan kebimbangan terhadap pengambilalihan semula kuasa oleh Sukarno jika

konfrontasi tidak ditamatkan dalam tempoh terdekat.

Pada 9 April 1966, Adam Malik mengumumkan bahawa pintu rundingan dengan Malaysia masih terbuka dengan syarat rakyat Sabah dan Sarawak diberi peluang menentukan pendirian mereka secara terbuka.⁸³ Dalam reaksinya kepada kenyataan tersebut, Tunku Abdul Rahman ketika pertemuan dengan Konsul Filipina Dionosio pada 13 April 1966, menyatakan keengganan beliau untuk berunding dengan Indonesia jika konfrontasi tidak dihentikan malah beliau tidak mempercayai usaha Indonesia untuk menamatkan konfrontasi selagi Sukarno berkuasa di negara itu.⁸⁴ Ketika disoal oleh seorang wartawan New Zealand pada 19 April, Tunku Abdul Rahman terus mengulangi pendirian tersebut dan menjelaskan kesediaan beliau untuk berunding jika Indonesia menghentikan permusuhan dan mengundurkan tentera mereka dari sempadan.⁸⁵

Di sebalik kenyataan-kenyataan umum yang dinyatakan oleh pemimpin-pemimpin tertinggi kedua-dua negara, sebenarnya terdapat perundingan sulit yang cuba dilakukan oleh pegawai-pegawai kerajaan Indonesia dan Malaysia. Ghazali Shafie dalam pertemuannya dengan Andrew Gilchrist pada 16 April 1966 telah mengakui bahawa beliau telah mengadakan perbincangan dengan beberapa wakil Indonesia untuk memulihkan hubungan kedua-dua negara.⁸⁶ Beliau turut menjelaskan bahawa perancangan telah dibuat untuk mengadakan rundingan lanjut dengan Kolonel Ali Moertopo.⁸⁷ Di samping itu, permasalahan untuk mengadakan pilihanraya di Sabah dan Sarawak turut dibincangkan dalam pertemuan tersebut. Kebimbangan Tunku Abdul Rahman itu disambut dengan kenyataan oleh Adam Malik pada akhir April 1966 mengenai prinsip negara itu yang sentiasa menghormati hak kedaulatan dan kemerdekaan sesebuah negara di samping kesediaan untuk berunding bagi menyelesaikan sebarang pertikaian yang timbul. Suharto pula kemudiannya menegaskan bahawa negara itu akan mengiktiraf Malaysia sekiranya kerajaan Malaysia dapat membuktikan penerimaan rakyat Sabah dan Sarawak terhadap persekutuan tersebut.⁸⁸

Ringkasnya, dalam jangka masa antara pengambilalihan kuasa oleh Suharto sehingga akhir April 1966 dapat disifatkan sebagai tempoh perubahan dari suasana ketegangan kepada wujudnya kemungkinan untuk menamatkan konfrontasi. Dalam jangkamasa ini juga, walaupun terdapat kenyataan-kenyataan yang menjurus kepada usaha perdamaian tetapi sentimen konfrontasi masih meluas ekoran ketidakpuasan hati kedua-dua negara dalam beberapa hal tertentu. Namun demikian, perubahan tersebut dapat dianggap sebagai perkembangan positif

terutamanya ketika sentimen neo-kolonialisme masih menebal di kalangan pejuang revolusi Indonesia. Dalam tempoh ini juga, angkatan tentera Indonesia yang ditumpukan dalam konfrontasi terhadap Malaysia tidak lagi menghadapi saingan sengit untuk mengukuhkan kuasa ekoran pengharaman PKI pada 12 Mac 1966. Justeru itu, usaha untuk memulihkan hubungan dengan Malaysia bergerak menuju ke arah perubahan yang lebih cerah menjelang bulan Mei 1966. Pada 5 Mei 1966, Adam Malik telah mengumumkan kesediaan Indonesia menamatkan konfrontasi jika rakyat Sabah dan Sarawak diberi peluang menentukan pendirian mereka terhadap Malaysia manakala pengkalan tentera Britain di Asia Tenggara juga hendaklah ditutup. Indonesia juga mensyaratkan agar rundingan pendamaian dibuat tanpa peranan orang tengah. Duta Indonesia di Thailand, B.M Diah dalam pertemuannya dengan Duta Amerika Syarikat menjelaskan penolakan terhadap campurtangan pihak ketiga kerana salah faham terhadap usaha-usaha rundingan lalu diakibatkan oleh campurtangan orang tengah.⁸⁹ Beliau turut memaklumkan pelantikan beliau oleh Adam Malik untuk mewakili Indonesia dalam rundingan sulit yang dijalankan dengan wakil Malaysia.⁹⁰ Menurut Diah juga, Indonesia ingin menamatkan konfrontasi dalam tempoh dua atau tiga bulan yang merupakan matlamat jangka pendek mereka.⁹² Pengumuman Adam Malik itu disambut dengan persetujuan Kabinet Malaysia pada 18 Mei 1966 untuk mengadakan rundingan peringkat menteri luar. Adam Malik turut mengumumkan persetujuan untuk mengadakan rundingan dengan Tun Razak di Bangkok pada akhir Mei 1966.

Kebarangkalian untuk menamatkan konfrontasi bertambah cerah setelah terdapat persetujuan Adam Malik untuk berunding dengan Fidel Ramos pada 30 April dan Tun Razak pada 30 Mei dengan kedua-dua pertemuan tersebut dijadualkan berlangsung di Bangkok. Dalam pertemuannya dengan Ramos, Adam Malik telah menyatakan hasrat Indonesia untuk menamatkan konfrontasi dengan segera.⁹² Dalam ucapannya kepada perhimpunan pelajar pada 19 Mei, beliau secara terbuka menjelaskan pendiriannya berhubung isu konfrontasi. Menurut beliau :

...the confrontation of the people's stomachs is more important than any other confrontation⁹³

Menurut beliau juga, dasar Ganyang Malaysia menyebabkan Indonesia mengalami kemelesetan ekonomi dan peningkatan inflasi di negara itu.

Pada 23 Mei, Sukarno telah mengadakan mesyuarat bersama Adam Malik dan timbalan-timbalan menteri yang lain. Timbalan Menteri Luar, Suwito selepas mesyuarat itu menjelaskan bahawa rundingan perdamaian antara Jakarta dan Kuala Lumpur adalah positif tetapi beliau tidak menyatakan tarikh yang tetap.⁹⁴ Di samping itu, kebenaran untuk mengadakan rundingan itu bergantung kepada mandat Sukarno dan akhbar Antara pada keesokannya menyebutkan kemungkinan rundingan itu akan diadakan di Bangkok.⁹⁵ Kenyataan itu menampakkan perubahan dalam dasar luar Indonesia kerana sehari sebelum itu, Suharto dalam temuramah dengan televisyen Belanda menyatakan Indonesia akan meneruskan konfrontasi sehingga penentuan pendirian penduduk Borneo dibuat berdasarkan Perjanjian Manila.⁹⁶ Beliau turut menjelaskan konfrontasi Indonesia tidak terbatas kepada penggunaan tentera malah meliputi maksud politik dan ekonomi.⁹⁷

Kenyataan Suharto itu bagaimanapun bercanggah dengan kenyataan Adam Malik seperti yang dilaporkan oleh Antara. Menurut Adam Malik, tarikh perundingan di Bangkok itu telah pun ditetapkan dan urusan perdamaian dengan Malaysia dijangka dapat diselesaikan dalam bulan Mei juga.⁹⁸ Adam Malik kemudiannya memaklumkan kepada Duta Amerika Syarikat bahawa tarikh rundingan dengan Malaysia akan diadakan di Bangkok antara 27-29 Mei 1966.⁹⁹ Di samping itu beliau turut memaklumkan hasil pertemuannya dengan Sukarno pada 23 Mei 1963. Dalam pertemuan itu Adam Malik telah memaklumkan kepada Sukarno dua perkara penting iaitu Perjanjian Manila dibuat untuk membolehkan rakyat Borneo menentukan semula pendirian mereka di bawah pengawasan PBB dan keduanya bahawa rakyat Sabah dan Sarawak kini telah menganggap diri mereka sebagai sebahagian dari persekutuan Malaysia yang berdaulat.¹⁰⁰

Kedua-dua pandangan Adam Malik itu bagaimanapun dianggap remeh (*shrugged off*) oleh Sukarno tetapi pada akhirnya beliau membenarkan Adam Malik mengadakan rundingan tanpa boleh meletakkan syarat-syarat yang spesifik.¹⁰¹ Menurut Adam Malik juga, beliau dan Tun Razak telah bersetuju untuk mencari jalan penyelesaian dan kesukaran yang dijangka timbul ialah bagaimana untuk mempengaruhi Sukarno menerima hasil rundingan yang bakal dijalankan itu.¹⁰² Jeneral Nasution pula dalam kenyataannya menyebut bahawa Indonesia mahu menamatkan konfrontasi dengan segera secara aman diperingkat rundingan menteri luar sahaja. Beliau enggan perundingan berlanjutan ke peringkat sidang kemuncak kerana terdapat kemungkinan Sukarno akan mensabotaj usaha rundingan pada tahap tersebut.¹⁰³

Pada 27 Mei 1966, satu rombongan Indonesia yang diketuai oleh Timbalan Ketua KOSTRAD, Omar Basri Sjaaf telah melawat Malaysia.¹⁰⁴ Lawatan itu merupakan kunjungan pertama secara rasmi yang dilakukan oleh Indonesia sejak mereka melancarkan konfrontasi. Kementerian Luar Malaysia dalam kenyataannya menyifatkan lawatan itu sebagai langkah awal Indonesia untuk menamatkan konfrontasi terhadap Malaysia.¹⁰⁵ Tujuan lawatan ialah bagi menjelaskan keinginan Suharto untuk menamatkan konfrontasi dengan segera bagi mengharmonikan semula hubungan Indonesia dan Malaysia.¹⁰⁶ Pegawai Kementerian Luar Malaysia, Zainal Sulong dalam taklimatnya kepada pegawai kedutaan Britain menyatakan, melalui kunjungan tersebut Suharto berharap dapat menjelaskan lagi usaha pemulihan hubungan sebelum rundingan di Bangkok.¹⁰⁷ Salah seorang anggota rombongan itu, Herlina yang merupakan pegawai wanita dalam KOSTRAD dilaporkan menyebut :

Our confrontation is over. We are here to pave the way to restore relations between our two countries. ¹⁰⁸

Kehadiran rombongan tersebut disambut baik oleh Malaysia kerana ia dianggap sebagai usaha serius Suharto untuk menamatkan konfrontasi.

Selepas mesyuarat kabinet Malaysia dengan rombongan tersebut Tun Razak telah mengumumkan 30 Mei 1966 sebagai tarikh rundingan perdamaian antara Malaysia dan Indonesia di Bangkok.¹⁰⁹ Susulan dari pengumuman itu juga, rombongan tentera Indonesia tersebut mengesahkan kedatangan mereka adalah untuk membawa mesej dari kerajaan Indonesia dan sebagai wakil Suharto untuk bertemu Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak sebagai perbincangan awal menjelang rundingan di Bangkok.¹¹⁰ Hasil perbincangan dengan rombongan tersebut telah menggembirakan kerajaan Malaysia. Tun Razak dalam kenyataannya menyebut :

We are very happy that they have decided to come here to pay courtesy calls on the Tunku and my self, and to show that they are ready to make peace and bring an end to confrontation..¹¹¹

Dalam kenyataannya juga beliau menyifatkan hasil kunjungan itu secara tidak rasmi telah menamatkan penentangan Indonesia ke atas

Malaysia.¹¹²Tun Razak selanjutnya menjelaskan :

This is a great day for us in Malaysia, for we can now see an end to confrontation and restoration of peace in this region ¹¹³

Kunjungan delegasi tentera yang dianggap sebagai titik penting kepada pemulihan hubungan Malaysia dan Indonesia turut menyerlahkan kebenaran terhadap beberapa rundingan sulit yang dijalankan sebelum ini. Dua daripada anggota rombongan itu iaitu Brigadier Jeneral Kemal Idris dan Left. Kolonel Ali Moertopo mempunyai hubungan rapat dengan Suharto. Malahan, Ali Moertopo tidak pulang bersama delegasi Indonesia selepas lawatan itu sebaliknya tinggal di Kuala Lumpur dan berangkat ke Bangkok untuk menghadiri rundingan antara Tun Razak dan Adam Malik bersama-sama delegasi Malaysia.¹¹⁴ Ali Moertopo dikatakan secara rahsia mengambil usaha mengatur kehadiran empat orang agen misteri Indonesia bagi menjalinkan hubungan dengan Kuala Lumpur.¹¹⁵ Di samping itu, terdapat juga beberapa aktiviti yang dijalankan secara rahsia hasil perancangan Ali Moertopo tanpa pengetahuan dan kelulusan Suharto.¹¹⁶ Kewujudan perhubungan secara sulit ini telah disahkan oleh Ghazali Shafie dalam pertemuannya dengan Andrew Gilchrist pada 16 April 1966.¹¹⁷ Suharto sendiri kemudiannya turut mengakui hubungan sulit telah dijalankan dengan Malaysia sejak bulan Ogos 1965 lagi.¹¹⁸

Kunjungan rombongan tentera Indonesia itu bagaimanapun menurut tafsiran Pesuruhjaya Tinggi Britain di Indonesia, James Murray mempunyai dua signifikan berbeza. Pertama; ia dianggap sebagai satu tindakan yang baik kerana tidak terdapat bukti yang menunjukkan usaha yang dijalankan oleh pegawai tentera berkenaan sebagai cubaan menyukarkan usaha perdamaian yang sedang dijalankan oleh Adam Malik.¹¹⁹ Sebaliknya, lawatan tersebut juga dianggap tanda cemburu pihak tentera terhadap usaha Adam Malik dan sebagai tanda protes pihak tentera terhadap Sukarno bagi menunjukkan bahawa mereka juga perlu terlibat atau mendapat penghormatan dalam usaha menyelesaikan konflik dengan Malaysia.¹²⁰ Interpretasi tersebut timbul kerana Adam Malik dalam pertemuannya dengan Murray pada hari yang sama telah menjelaskan perancangan beliau untuk membawa penasihat tentera bersamanya sewaktu rundingan dengan pihak Malaysia di Bangkok. Adam Malik juga memaklumkan pada mulanya beliau ingin memberitahu Murray mengenai kunjungan tentera itu tetapi Suharto lebih berminat untuk mengadakan rundingan secara langsung dengan Malaysia.¹²¹

Kunjungan pihak tentera Indonesia yang boleh disifatkan sebagai titik penting bagi memudahkan proses pemulihan hubungan Malaysia

dan Indonesia itu sememangnya mendatangkan kesan yang sangat positif. Walaupun pelbagai tanggapan yang diberikan terhadap kunjungan tersebut namun rundingan yang dijadualkan di Bangkok telah berlangsung mulai 30 Mei 1966 seperti yang dijadualkan dan berlanjutan sehingga 1 Jun 1966. Rombongan Malaysia di ketuai oleh Tun Razak manakala Adam Malik mengetuai delegasi Indonesia.

Perbincangan peringkat awal dalam rundingan tersebut telah menghasilkan dua formula penting untuk Malaysia dan Indonesia menamatkan persengketaan iaitu:

- i. Jika Indonesia mahu melanjutkan perhubungan secara langsung, pertukaran perwakilan akan ditangguhkan berkemungkinan sehingga Ogos.¹²²
- ii. Malaysia akan memberi peluang kepada penduduk Sabah dan Sarawak untuk menentukan semula pendirian mereka untuk kekal di dalam Malaysia. Pilihanraya pada tahun 1967 akan dibuat secara 'in itself constitute'. Indonesia pula menuntut diadakan referendum secara demokrasi dan mereka akan menerima hasil pengundian tersebut.¹²³

Merujuk kepada konfrontasi ketenteraan pula, Malaysia mahu ia ditamatkan segera segala bentuk permusuhan bagi membolehkan pertukaran pegawai awam dan tentera antara Kuala Lumpur dan Jakarta dilakukan dengan segera.¹²⁴

Pada peringkat awal ini juga Malaysia dan Indonesia bersetuju terhadap perjanjian yang berasaskan Exchange of Notes.¹²⁵ Tun Razak dan Adam Malik akan menandatangani perjanjian tersebut bila kenyataan rasmi mengenainya dikeluarkan. Walaupun pada peringkat ini, keputusan perbincangan tersebut masih dirahsiakan namun Tun Razak telah memaklumkan kepada pegawai Britain di Bangkok beberapa perkara penting yang mempunyai persamaan dengan hasil perjanjian yang dipersetujui oleh kedua-dua negara :¹²⁶ Pada akhir rundingan kedua-dua negara bersetuju terhadap tiga prinsip untuk memulihkan hubungan mereka:¹²⁷

- i. Kedua-dua negara bersetuju menamatkan permusuhan yang wujud.

- ii. Hubungan diplomatik akan dipulihkan selepas perjanjian pemulihan hubungan di tandatangani.
- iii. Tinjauan terhadap pandangan penduduk Sabah dan Sarawak akan di lakukan secepat mungkin bagi menentukan pendirian mereka terhadap Malaysia.

Satu keputusan penting yang turut dipersetujui ialah kesediaan Adam Malik untuk memulihkan hubungan Indonesia dan Malaysia terlebih awal tanpa perlu menunggu keputusan pengundian di Sabah dan Sarawak.¹²⁸ Persetujuan yang disambut baik oleh kerajaan Malaysia dan Indonesia itu bagaimanapun di tentang oleh Presiden Sukarno kerana Malaysia masih di anggap sebagai neo-kolonialisme kerana pendirian rakyat Sabah dan Sarawak belum diselesaikan. Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew juga menyambut baik keputusan tersebut kerana ia akan mewujudkan suasana yang lebih baik di Asia Tenggara. Persidangan di Bangkok ini juga di anggap penting kerana tercetusnya idea oleh Adam Malik untuk membentuk *Union of South Asia* (USO) bagi menggantikan ASA sebagai bentuk kerjasama serantau antara Malaysia, Indonesia, Filipina dan Thailand. Thailand dan Filipina menyatakan persetujuan untuk menyertai pertubuhan tersebut secara prinsip manakala Malaysia menyambut baik cadangan itu.

Dalam tempoh sebulan antara 30 April sehingga 30 Mei 1966, terdapat dua persidangan penting yang melibatkan Indonesia, Malaysia dan Filipina telah berlangsung di Bangkok. Hasil dari perundingan tersebut dianggap membawa kesan yang sangat positif kerana hasrat Indonesia melalui Suharto dan Adam Malik untuk mengakhiri konflik dengan Malaysia menjadi semakin jelas. Di samping itu, kepimpinan baru Indonesia itu juga mengakui konfrontasi dengan Malaysia menyebabkan peningkatan perbelanjaan ekonomi yang sekaligus melemahkan negara itu. Justeru itu, menamatkan konfrontasi disifatkan sebagai jalan terbaik untuk mengatasi masalah itu seperti yang dinyatakan oleh Marshall Green dan Andrew Gilchrist kepada Adam Malik pada bulan Mac 1966. Perkembangan dalam tempoh tersebut sebenarnya memudahkan lagi proses akhir rundingan pemulihan hubungan kedua-dua negara yang dijalankan secara intensif mulai Jun 1966.

PERJANJIAN DAMAI.

Hasil persetujuan yang dicapai di Bangkok itu mewujudkan perkembangan yang lebih positif selepas itu. Adam Malik dalam kenyataannya kepada media selepas kembali dari Bangkok menyatakan rasa gembiranya terhadap hasil perundingan tersebut. Walaubagaimanapun beliau masih tidak berpuashati sepenuhnya kerana terdapat banyak masalah yang perlu diselesaikan khususnya di pihak Indonesia sebelum konfrontasi ditamatkan.¹²⁹ Persidangan di Bangkok hanya mencapai asas bagi penyelesaian tersebut kerana kedua-dua negara akan mengadakan perbincangan lanjut sebelum disusuli dengan perjanjian muktamad.¹³⁰ Adam Malik turut menegaskan konfrontasi akan ditamatkan sepenuhnya setelah hasil perjanjian tersebut disahkan.¹³¹ Hubungan Indonesia dan Malaysia juga dianggap kembali berada dalam keadaan baik dan ia dijangka bertambah erat apabila hubungan diplomatik dipulihkan selepas perjanjian damai.¹³² Selaras dengan semangat perjanjian tersebut juga, Tun Razak telah mengumumkan bahawa Malaysia tidak akan meminta Britain mengundurkan tentera mereka dari Malaysia tetapi ia akan dilakukan sendiri oleh negara berkenaan.¹³³ Menurut Tun Razak juga, tentera Britain akan diundurkan dari Sabah dan Sarawak selepas perjanjian menamatkan konfrontasi ditandatangani. Dengan keadaan tersebut, Malaysia akan mengambilalih tanggungjawab keselamatan dalam negeri di kedua-dua wilayah itu serta mengawal kegiatan subversif.¹³⁴ Cadangan tersebut kemudiannya dipersetujui oleh Britain dan akan mula mengundurkan tentera mereka selepas Indonesia mengesah dan melaksanakan Perjanjian Bangkok.¹³⁵

Bermula dari persetujuan di Bangkok itu, tempoh seterusnya boleh dianggap sebagai tempoh untuk mendapatkan pengesahan kerajaan sebelum perjanjian damai ditandatangani. Masalah ini tertumpu di pihak Indonesia kerana kesukaran untuk memperolehi pengesahan dari Sukarno. Ketika pertemuannya dengan Sukarno selepas kembali dari Bangkok, Adam Malik memaklumkan bahawa konfrontasi telah berakhir.¹³⁶ Kenyataan tersebut bagaimanapun dijawab oleh Sukarno dengan teriakan:

You are coward, and Suharto is a coward too. You are scared of war with Malaysia¹³⁷

Halangan dari Sukarno menyebabkan Indonesia tidak dapat mengesahkan persetujuan di Bangkok itu dengan segera seperti yang

dilakukan oleh Malaysia. Pada 8 Jun, selepas mesyuarat KOGAM, Indonesia mengumumkan perbincangan untuk menyelesaikan konfrontasi telah selesai. Suharto akan mengambil peranan dalam perundingan peringkat akhir dengan Malaysia terutamanya dalam isu-isu yang memerlukan penjelasan dan penyelesaian.¹³⁸ Menurut pengumuman itu juga, Suharto akan mengendalikan peranan bagi pihak tentera dalam penyelesaian persengketaan tersebut.¹³⁹ Jika diteliti, pengumuman itu tidak seiring dengan pandangan Sukarno dalam ucapan beliau pada 17 Ogos. Menurut Sukarno, beliau menentang perjanjian di Bangkok terutamanya dalam aspek pemulihan hubungan diplomatik kerana pilihanraya belum diadakan di Sabah dan Sarawak.¹⁴⁰ Sukarno juga menjelaskan bahawa beliau menolak perjanjian pemulihan hubungan dengan Malaysia sehingga pilihanraya diadakan.¹⁴¹ Adam Malik dan Suharto sebaliknya melaporkan kerajaan Indonesia menyokong perjanjian tersebut sebelum diadakan pilihanraya terlebih dahulu. Ucapan Sukarno yang mempertikaikan pengesahan perjanjian Bangkok itu kemudiannya menimbulkan persoalan, siapakah yang bertanggungjawab melaksanakannya kerana Sukarno masih dianggap mempunyai kuasa di negara itu?

Jawapan kepada persoalan tersebut mungkin boleh dikaitkan dengan peranan yang dimainkan oleh Adam Malik. Sehari sebelum mesyuarat KOGAM itu Adam Malik telah menemui James Murray bagi menyatakan permasalahan beliau mendapatkan kelulusan dari Sukarno. Beliau bagaimanapun telah memaklumkan bahawa klausa penamatan permusuhan telah pun dilaksanakan.¹⁴² Dalam pertemuan pada 7 Jun itu juga Adam Malik telah menyatakan harapan beliau agar sidang Majlis Permesyuaratan Rakyat Sementara ((MPRS) pada akhir bulan Jun meluluskan perjanjian Bangkok tetapi pada masa yang sama masalah masih tertumpu kepada usaha untuk mendapatkan kelulusan Sukarno.¹⁴³ Dalam pertemuan itu juga, Adam Malik menjelaskan bahawa beliau telah memujuk Suharto untuk mengesahkan perjanjian tersebut berasaskan mandat 11 Mac sekiranya Sukarno enggan melakukannya.¹⁴⁴ Suharto menyatakan kesediaan untuk melakukannya jika sesuatu berlaku dalam perbincangan beliau dengan Ghazali Shafie yang menuntut beliau memberikan keputusan untuk menyelesaikan persengketaan.¹⁴⁵ Sementara itu, Ghazali Shafie telah menemui Suharto pada 10 Jun untuk membincangkan pelaksanaan terhadap persetujuan di Bangkok, pengunduran tentera dan operasi bersama menentang China komunis.¹⁴⁶ Dalam pertemuan tersebut mereka tidak mencapai kata putus terhadap permasalahan pilihanraya di Borneo tetapi Suharto memberi jaminan

tiada perubahan besar akan dilakukan terhadap persetujuan yang di capai di Bangkok.¹⁴⁷

Permasalahan untuk memulihkan hubungan dengan Malaysia juga mencetuskan konflik di kalangan pelbagai pihak di Indonesia. Di kalangan akhbar, Sinar Harapan umpamanya menyifatkan usaha giat untuk menyelesaikan konfrontasi dengan Malaysia tidak seharusnya mengorbankan prinsip Indonesia.¹⁴⁸ Akhbar Genta yang diasaskan oleh Subandrio pula menganggap keseluruhan rakyat Indonesia mengharapkan keamanan. Walaubagaimanapun menurut akhbar itu, masalah ekonomi Indonesia bukannya diakibatkan oleh konfrontasi dengan Malaysia tetapi berpunca dari masalah yang diwariskan oleh kolonialisme.¹⁴⁹ Pemimpin Parti Nasional Indonesia (PNI) seperti Isnaeni juga mengkritik kegagalan perjanjian Bangkok di pihak Indonesia kerana persetujuan Indonesia mengiktiraf Malaysia sebelum pilihanraya diadakan di wilayah Borneo.¹⁵⁰ Perjanjian itu juga ditentang oleh Nasution. MPRS yang dipengerusikan oleh beliau tidak menyatakan sokongan bagi meluluskan Perjanjian Bangkok.¹⁵¹

Pandangan-pandangan tersebut dianggap mewakili pendokong Sukarno kerana sentimen nekolim menjadi hujah utama mereka mengkritik Perjanjian Bangkok. Keadaan ini jelas kerana pendirian Sukarno terhadap Malaysia berterusan walaupun usaha-usaha perdamaian sedang giat dilakukan. Pada 25 Jun, Sukarno menegaskan bahawa masalah Malaysia perlu diasaskan kepada Perjanjian Manila. Pada 28 Julai pula, beliau mengulangi pendirian untuk meneruskan dan menganggap keamanan hanya akan dicapai melalui penerimaan terhadap Perjanjian Manila.¹⁵²

Di samping tentangan yang diberikan terhadap Perjanjian Bangkok yang dipersetujui oleh Adam Malik itu, terdapat beberapa pihak yang dipelopori oleh golongan barisan hadapan (action front) telah menyatakan sokongan kepada beliau. Beberapa hari selepas Adam Malik kembali dari Bangkok, lapan pemimpin kumpulan tersebut menemui beliau untuk menyatakan sokongan terhadap usaha yang sedang dijalankannya. Pada 14 Jun, kumpulan ini telah menganjurkan perhimpunan besar-besaran di Dataran Banteng Djakarta.¹⁵³ Pengerusi kumpulan tersebut, Darius Marpung menyatakan konfrontasi telah menyebabkan kemiskinan dan kelemahan ekonomi yang didakwa melibatkan 70% belanjawan Indonesia.¹⁵⁴ Justeru itu, beliau menganggap menamatkan konfrontasi adalah jalan terbaik untuk mengembalikan kemakmuran Indonesia. Kumpulan itu juga menuntut agar kerajaan mengesahkan Perjanjian Bangkok dengan segera.

Melalui perhimpunan itu juga, kumpulan berkenaan berusaha mendapatkan sokongan masyarakat dan mendesak agar konfrontasi diselesaikan termasuk menyerahkan memorandum kepada MPRS. Kesatuan Aksi Sarjana Indonesia (KASI) umpamanya menyifatkan permasalahan pilihanraya wilayah Borneo hanya akan melambatkan proses penyelesaian. KAMI Bandung pula mengeluarkan kenyataan menyokong perjanjian Bangkok dan apabila Sukarno mengumumkan penerusan konfrontasi pada 28 Julai kumpulan ini dan pertubuhan lain menolak pandangan tersebut dengan menganggap konfrontasi sebagai punca utama kejatuhan ekonomi Indonesia.¹⁵⁵ Peranan kumpulan ini dikaitkan pula dengan perancangan Adam Malik untuk mencari sokongan terhadap usaha beliau menamatkan konfrontasi. Sokongan itu juga bermaksud membina sokongan baginya menentang Sukarno, Nasution dan pengkritik-pengkritik beliau yang lain.

Berasaskan kepada pandangan pro dan kontra terhadap Perjanjian Bangkok itu didapati terbentuk dua kumpulan iaitu satu pihak menyokong pandangan Sukarno manakala penyokong Adam Malik dan Suharto di pihak yang lain. Melalui perbandingan terhadap kedua-dua pandangan itu rumusan yang dapat dibuat ialah peranan golongan yang menyokong Perjanjian Bangkok didalangi oleh Adam Malik mungkin ada benarnya. Hujah mereka mempunyai perkaitan rapat dengan keputusan-keputusan yang diperolehi hasil perbincangan Adam Malik dengan pegawai-pegawai British di negara itu khususnya Andrew Gilchrist dan James Murray. Justeru itu, kewujudan pengaruh Britain dalam perhimpunan menentang Sukarno dan pendokong-pendokongnya boleh dipertanggungjawab bagi membenarkan kenyataan tersebut. Usaha giat yang dijalankan oleh Adam Malik itu boleh juga dikaitkan dengan keinginan Britain untuk menamatkan konfrontasi secepat mungkin kerana negara itu terpaksa menanggung tanggungjawab pertahanan Malaysia dan ia melibatkan jumlah perbelanjaan yang tinggi.

Perkaitan antara kerjasama Adam Malik dan Suharto dengan Britain dan Amerika Syarikat juga dapat dikaitkan dengan kenyataan mereka yang menganggap penamatan konfrontasi akan membolehkan Indonesia memulihkan kestabilan ekonomi mereka. Kenyataan tersebut disifatkan sebagai tanda Indonesia akan menerima bantuan asing sebagai hadiah menamatkan konfrontasi.¹⁵⁶ Dengan tamatnya konfrontasi, mereka berharap bantuan ekonomi Barat akan masuk semula ke Indonesia yang sebelum ini dipinggirkan oleh dunia. Akhbar Indonesian Herald dalam mengupas isu ini antara lain menyatakan :

If peaceful conditions develop from the present situation in Southeast Asia this will suit the Commonwealth Britain and the United State quite well. What we expect from the West is that they assume a proper long term role in this region in terms of economic assistance, political non-intervention and military withdrawal with the aim of strengthening the independence of the Southeast Asia countries in particular and of Asian nations in general ¹⁵⁷

Menurut seorang wartawan Belanda di Indonesia, Adam Malik telah menjelaskan kepadanya bahawa beliau mempunyai polisi yang bermatlamat untuk meningkatkan keyakinan Barat terhadap peluang ekonomi di Indonesia yang disifatkannya sebagai penentuan hidup atau mati bagi Indonesia.¹⁵⁸ Dengan pengesahan terhadap Perjanjian Bangkok itu juga, Adam Malik menjangkakan akan memperolehi bantuan berjumlah \$30 juta dengan segera dari Jepun.¹⁵⁹ Justeru itu, penyelesaian konfrontasi secara psikologi akan mempengaruhi keinginan negara asing untuk melabur di Indonesia.

Sementara itu dalam perkembangan di Malaysia, pada 7 Jun 1966 Tun Razak selepas mesyuarat kabinet secara rasmi mengumumkan keputusan kerajaan Malaysia meluluskan perjanjian menamatkan konfrontasi yang termeterai di Bangkok.¹⁶⁰ Walau bagaimanapun ia tidak dapat didedahkan kepada umum sehingga kelulusan yang sama di buat oleh Indonesia. Selain itu, Malaysia turut mengharapkan kerjasama Indonesia dari segi keselamatan kerana selepas konfrontasi berakhir ancaman terhadap keselamatan Malaysia akan datang daripada pihak komunis di Sabah dan Sarawak.¹⁶¹ Tun Razak juga turut menjelaskan bahawa persediaan sedang dilakukan untuk mengundurkannya tentera Komanwel di Borneo yang akan dilakukan sebaik sahaja perjanjian menamatkan konfrontasi dimeterai.¹⁶²

Pada 8 Julai, Adam Malik menyatakan Indonesia tidak akan menandatangani perjanjian dengan Malaysia sehingga pembentukan kabinet Ampera. Keputusan tersebut dianggap penting kerana perhatian semua pihak akan tertumpu kepada kabinet baru itu dengan keputusan menamatkan konfrontasi bakal ditentukan sehingga kedudukan kabinet ditetapkan. Di samping itu, keputusan tersebut juga bertujuan mendapatkan pengiktirafan bahawa keputusan menamatkan konfrontasi merupakan tindakan bijak yang pertama dilaksanakan oleh kabinet baru tersebut.¹⁶³ Tafsiran itu mempunyai asas kerana selepas pembentukan kabinet Ampera pada 28 Julai, Suharto telah menjelaskan penyelesaian akhir konfrontasi akan dijalankan dalam tempoh dua minggu.

Justeru ,walaupun Sukarno dalam ucapannya pada 28 Julai (yang disifatkan sebagai usaha terakhir untuk menghalang konfrontasi ditamatkan) telah merujuk kepada permasalahan wilayah Borneo yang belum diselesaikan. Pandangan tersebut bagaimanapun di sambut dengan kenyataan rasmi oleh Indonesia bahawa pandangan Sukarno itu tidak melambangkan pendirian Indonesia.¹⁶⁴ Malaysia pula dalam reaksinya memilih untuk menghormati pandangan Sukarno itu tetapi pada masa yang sama menganggap ia sebagai daya terakhir oleh seorang tua yang kehilangan sedikit kuasa yang dimilikinya.¹⁶⁵ Sukarno juga mendakwa, beliau terpaksa bertegas dengan kenyataannya itu bertujuan untuk memberikan lebih kekuatan kepada Suharto dan untuk memperbaiki kedudukan penawaran beliau dengan Kuala Lumpur.

Walau apa pun penentangan yang dikemukakan oleh Sukarno dan pendokong-pendokongnya, namun perbincangan akhir untuk mengesahkan Perjanjian Bangkok bagi pihak Indonesia dilakukan secara rasmi dalam mesyuarat KOGAM pada 30 Julai. Selepas mesyuarat itu, pengisytiharan dibuat yang menyatakan Suharto akan mengutuskan wakil perunding terakhir ke Kuala Lumpur dengan segera.¹⁶⁶ Pada 3 Ogos pula, selepas pertemuan dengan Sukarno, Suharto telah mengumumkan bahawa konfrontasi akan ditamatkan dengan segera. Keesokannya, Ali Moertopo telah mengiringi kumpulan pegawai Malaysia ke Jakarta untuk mengadakan persiapan menandatangani perjanjian damai antara Malaysia dan Indonesia.¹⁶⁷

Selanjutnya pada 9 Ogos 1966, Suharto dan Adam Malik mengumumkan bahawa Tun Razak akan hadir ke Jakarta dalam tempoh dua hari untuk menandatangani persefahaman yang terbentuk di Bangkok sebagai wakil kerajaan Malaysia. Majlis tersebut berjalan seperti yang dirancangkan. Pada 11 Ogos 1966, Tun Razak yang mewakili Malaysia dan Adam Malik bagi pihak Indonesia telah menandatangani perjanjian memulihkan hubungan kedua-dua negara dan sekaligus mengakhiri konfrontasi yang tercetus sejak tahun 1963. Perjanjian tersebut mengandungi tiga perkara utama yang menandakan episod baru dalam sejarah hubungan Malaysia dan Indonesia. Perkara penting yang di persetujui dalam perjanjian tersebut ialah:¹⁶⁸

- i. Satu pilihanraya bebas akan di adakan bagi menentukan pendirian penduduk Sabah dan Sarawak terhadap kedudukan mereka di dalam Malaysia.
- ii. Kedua-dua negara menyatakan persetujuan memulihkan

hubungan diplomatik dan pertukaran diplomat antara kedua-dua negara akan di laksanakan secepat mungkin.

- iii. Sebarang bentuk permusuhan antara Malaysia dan Indonesia akan di tamatkan.

Kesan dari perjanjian tersebut, hubungan kedua-dua negara telah di eratkan semula seperti zaman sebelum tercetusnya konfrontasi. Tun Razak juga menyatakan persetujuan untuk mengadakan pilihanraya di Sabah dan Sarawak selewat-lewatnya pada tahun 1967 dan sebahagian daripada tentera British di Malaysia akan di undurkan dengan segera. Indonesia pula turut berjanji untuk mengundurkan tentera dan sukarelawan negara itu di Borneo sebagai penghormatan terhadap perjanjian itu

Dengan termeterainya perjanjian damai tersebut, bermakna terbentuklah satu episod baru dalam sejarah hubungan Malaysia dan Indonesia. Pemulihan hubungan tersebut dianggap bukan sahaja mewujudkan keamanan antara kedua-dua negara malah meliputi seluruh rantau Asia Tenggara. Tunku Abdul Rahman dalam reaksinya terhadap perjanjian tersebut berharap persahabatan Malaysia dan Indonesia akan berkekalan kerana rakyat kedua-dua negara mempunyai persamaan ketara dari segi bahasa, agama dan keturunan.¹⁶⁹ Sehari selepas perjanjian tersebut, Adam Malik dan rombongan dari Indonesia seramai 45 orang telah melawat Malaysia. Hasil lawatan itu, kedua-dua negara bersetuju membentuk kerjasama erat dalam bidang ekonomi, kebudayaan dan keselamatan jika keadaan memerlukan.¹⁷⁰ Pada 22 Ogos pula, pemimpin tentera Indonesia telah membubarkan KOGAM dan kedua-dua negara bersetuju membebaskan tahanan konfrontasi sebagai simbol mementingkan pemulihan hubungan yang telah dicapai. Dalam sidang parlimen Malaysia pada 26 Ogos 1966, Tunku menyatakan :

semoga Perjanjian Perdamaian itu menjadi asas perdamaian dan persahabatan yang kekal antara kedua buah negara¹⁷¹

Bermula dari tempoh tersebut juga, hubungan Indonesia dan Malaysia berterusan dalam keadaan yang stabil kerana kedua-dua negara menyedari persamaan yang wujud antara mereka dari segi keturunan, sejarah dan kebudayaan sehingga mewujudkan gelaran dua negara bersaudara.

KESIMPULAN.

Secara keseluruhannya dasar konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia yang dianggap bermula selepas meletusnya Pemberontakan Brunei 1962 dan memuncak pada 16 September 1963 iaitu pada hari penubuhan Malaysia telah berjaya ditamatkan sepenuhnya melalui perjanjian damai tanggal 11 Ogos 1966. Walaupun pada dasarnya konfrontasi telah ditamatkan secara rasmi namun bekas presiden negara itu, Sukarno terus mengekalkan pendirian terhadap dasar konfrontasinya. Sukarno yang mendapat sokongan PNI dan RRC bagaimanapun tidak berupaya melakukan tindakan lanjut kerana beliau telah kehilangan kuasa de factonya yang diambil alih oleh Suharto. Artikel ini memperlihatkan dua perkembangan utama yang mewujudkan dimensi baru dalam hubungan Malaysia dan Indonesia. Perkembangan tersebut ialah tercetusnya peristiwa GESTAPU pada 1 Oktober 1965 di Indonesia yang menjadi asas kepada kejatuhan Sukarno sebagai pemimpin ulung Indonesia. Lanjutan dari peristiwa tersebut juga telah meredakan dasar konfrontasi Indonesia ke atas Malaysia. Tercetusnya GESTAPU juga menyaksikan berlakunya peralihan kuasa daripada Sukarno kepada Suharto. Perubahan kepimpinan tersebut memperlihatkan usaha menamatkan konfrontasi dijalankan secara intensif terutamanya selepas pembentukan kabinet baru pada 4 April 1966 dengan pelantikan Adam Malik sebagai Menteri Luar bagi membolehkan konflik kedua-dua negara diselesaikan.

1. Komander salah satu batalion Cakrabirawa iaitu Pasukan pengawal istana Presiden. Seterusnya akan disebut sebagai Untung sahaja.
2. W.F Wertheim, 'Whose plot ? new light on the 1965 events', *Journal of Contemporary Asia*, Vol. 9 (2), 1979, hlm. 197. Majlis Jeneral berkenaan dikatakan bekerjasama dengan anasir-ansir asing (imperialis) untuk menjatuhkan Sukarno dan mengancam keselamatan Indonesia.
3. Coen Holtzappel, 'The 30 September movement : a political movement of the armed forces or an intelligence operation?', *Journal of Contemporary Asia*, Vol. 9 (2), 1979, hlm. 217. Pengkalan Udara Halim telah dijadikan sebagai ibu pejabat gerakan berkenaan.
4. Pemerintah Tentera Darat dan Menteri
5. Timbalan Pemerintah Kedua dalam Bahagian Pentadbiran
6. Timbalan Pemerintah Ketiga yang menguruskan Kewangan dan Perhubungan Awam
7. Pembantu Utama Pemerintah Tentera dalam Bahagian Perisikan
8. Pembantu Keempat Pemerintah Tentera dalam urusan Logistik
9. Pendakwaraya Jeneral Tentera
10. Ketua Kakitangan angkatan tentera dan Menteri Pertahanan

11. M.R Siregar, *Tragedi manusia dan kemanusiaan : kasus Indonesia (sebuah holokasus yang diperolehi selepas Perang Dunia Kedua)*, Cetakan Kedua, CIP- Gegevens, Koninklijke Bibliotheek, Den Haag, 1995, hlm. 106. Dalam serbuan ke rumah Nasution juga, anak perempuan bongsu beliau telah cedera parah dan meninggal dunia beberapa hari selepas itu. Lihat juga : W.F Wertheim, op. cit. hlm. 198.
12. W.F Wertheim, op. cit. hlm. 198.
13. Coen Holtzappel, op. cit. hlm. 217.
14. Ibid.
15. Ibid.
16. M.R Siregar, op. cit. hlm. 107.
17. Coen Holtzappel, Op. cit. hlm. 217.
18. M.R Siregar, op. cit. hlm. 107.
19. Ibid.
20. Coen Holtzappel, op. cit. hlm. 217. Menurut pengisytiharan itu juga, kabinet yang sedia ada akan meneruskan pentadbiran selagi mereka tidak menentang perancangan Majlis Revolusi.
21. M.R Siregar, op. cit. hlm. 107.
22. Ibid.
23. Bekas Presiden Republik Indonesia. Beliau meletakkan jawatan pada tahun 1998.
24. M.R Siregar, op. cit. hlm. 108.
25. Ibid. Lihat juga : *Gerakan 30 September: pemberontakan Partai Komunis Indonesia : latarbelakang, aksi dan penumpasannya*, Sekretariat Negara Republik Indonesia, 1994, hlm. 2.
26. Ibid.
27. Ibid. hlm. 3.
28. Ibid. Lihat juga : M.R Siregar, *Tragedi manusia dan kemanusiaan*, hlm. 5.
29. Ibid.
30. Lihat M.R Siregar, op. cit. hlm. 110-111.
31. Ibid. Lihat perbincangan beliau khususnya dalam bab kedua mulai halaman 5.
32. Lihat artikel Coen Holtzappel, "The 30 September movement : a political of the armed force or an intelligence operation?", dalam, *Journal of Contemporary Asia*, Vol 9 (2).
33. Ibid.
34. Ibid. op. cit. hlm. 221.
35. Ibid.
36. Ibid.
37. Ibid. hlm. 224.
38. Ibid. hlm. 232.
39. Terri Cavanagh, *Pelajaran-pelajaran dari Kudeta 1965 Indonesia*, World Socialist Website, www.wsws.org/exhibits/1965coup/coup1965.shtml, 19 Mac 1999.
40. Ibid.
41. Ibid.
42. Ibid. Lihat juga : M.R Siregar, op. cit.
43. M.R. Siregar.
44. Ibid. hlm. 106.
45. Ibid.
46. Franklin B. Weinstein, *Indonesia abandons confrontations : an inquiry into the functions of Foreign Policy*, Cornell University, Ithaca, 1969, hlm. 13.

47. Ibid.
48. Ibid. hlm. 14.
49. Surat James Murray kepada Foreign Office, 5 Januari 1966. FO371/187560.
50. Ibid.
51. Surat Andrew Gilchrist kepada Foreign Office, 2 Februari 1966. FO371/187560.
52. Ibid.
53. Ibid.
54. Surat Andrew Gilchrist kepada Foreign Office, 3 Februari 1966. FO371/187560.
55. FO371/187560, Surat M. Walker kepada Commonwealth Relations Office, 17 Februari 1966.
56. Ibid.
57. Surat Andrew Gilchrist kepada Foreign Office, 4 Mac 1966. FO371/187560.
58. Ibid.
59. Surat Andrew Gilchrist kepada Foreign Office, 8 Mac 1966. FO371/187560.
60. Ibid.
61. Franklin B. Weinstein, op. cit. hlm. 31.
62. Ibid. hlm. 32.
63. Ibid. hlm. 35.
64. Ibid. Jika diteliti dengan mendalam, pandangan H. Anwar Tjokroaminoto dan tuntutan KAMI itu mempunyai persamaan dengan pandangan Duta Amerika Syarikat ke Indonesia, Marshall Green dalam pertemuan beliau dengan Adam Malik pada 31 Mac 1966. Perkembangan tersebut boleh dikaitkan dengan peranan Amerika Syarikat untuk terus melemahkan kedudukan Sukarno terutamanya melalui pelbagai tuntutan dan demonstrasi yang dijalankan oleh pelajar-pelajar. Perkara ini turut di akui oleh Said Zahari yang menyifatkan KAMI adalah manifestasi barat untuk menjatuhkan kepimpinan Indonesia yang anti Barat. Melalui perarakan dan demonstrasi yang dijalankan mereka melaungkan slogan anti-Sukarno termasuk di hadapan istana Presiden sendiri. Pandangan ini diperolehi hasil temubual dengan Said Zahari pada 12 Mac 1997 di Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM, Bangi.
65. Surat Andrew Gilchrist kepada Foreign Office, 31 Mac 1966. FO371/187560.
66. Franklin B. Weinstein, op. cit. hlm. 36.
67. Surat Andrew Gilchrist kepada Foreign Office, 31 March 1966. FO371/187560.
68. Ibid.
69. Ibid.
70. Surat Andrew Gilchrist kepada Foreign Office, 2 April 1966. FO371/187560.
71. Ibid.
72. Michael Leifer, 'Indonesia and Malaysia : the changing face of confrontation', *World Today*, Jil. 22, No. 9, September 1966, hlm. 397.
73. Franklin B. Weinstein, op. cit. hlm. 37.
74. Ibid. hlm. 37.
75. Ibid. hlm. 38.
76. Ibid.
77. Ibid. hlm. 8.
78. Ibid.
79. Kunaseelan Muniandy, *Hubungan Malaysia-Indonesia 1957-1970*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, hlm. 228.
80. Franklin B. Weinstein, op. cit. hlm. 8.
81. Ghazali Shafie, Jalan Ampang Hilir, Kuala Lumpur, Temu bual 27 Februari 1997.
82. Michael Leifer, op. cit. hlm. 396.

83. Surat Andrew Gilchrist kepada Foreign Office, 15 April 1966. FO371/187560.
84. Surat M. Walker kepada Commonwealth Relations Office, 13 April 1966. FO371/187560.
85. Surat M. Walker kepada Commonwealth Relations Office, 19 April 1966. FO371/187560.
86. Nota pertemuan Andrew Gilchrist dengan Ghazali Shafie, 16 April 1966. FO371/187562.
87. Ibid.
88. J.A.C Mackie, *Konfrontasi : the Indonesia-Malaysia dispute 1963-1966*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1974, hlm. 319.
89. Surat Andrew Gilchrist kepada Foreign Office, 10 Mei 1966. FO371/187562.
90. Ibid.
91. Ibid.
92. Komitmen Adam Malik itu terserlah apabila beliau dilaporkan menyebut untuk menamatkan konfrontasi tomorrow if possible dan kemudiannya we do not want to delay it, we want to settle as quickly as possible sewaktu kembali dari pertemuan dengan Ramos di Bangkok. Lihat : Franklin B. Weinstein, *op. cit.* hlm. 43.
93. Franklin B. Weinstein, *op. cit.* hlm. 44.
94. Surat James Murray kepada Foreign Office, No. 954, 24 Mei 1966. FO371/187564.
95. Ibid.
96. Surat James Murray kepada Foreign Office, No. 953, 23 Mei 1966. FO371/187564.
97. Ibid.
98. Surat James Murray Foreign Office, No.962, 25 Mei 1966. FO371/187564.
99. Surat James Murray Foreign Office, No. 964, 25 Mei 1966. FO371/187564.
100. Ibid.
101. Ibid.
102. Ibid.
103. Franklin B. Weinstein, *op. cit.* hlm. 48.
104. Surat M. Walker kepada Commonwealth Relations Office, No 707, 27 Mei 1966. FO371/187564. Turut serta dalam rombongan itu ialah Brigadier Jeneral Kemal Idris, Komodor Udara Soesoto, Kolonel T. Joekroprando, Kolonel Yoga Soesomo, Lt. Kolonel Ali Moertopo. Kolonel Soegey Djarot dan beberapa orang pegawai rendah yang kesemuanya dari angkatan KOGAM, Siaga dan KOSTRAD.
105. Kenyataan Kementerian Luar itu juga menyebut : The Government and people of Malaysia welcome this move and arrival of the Indonesian delegation with feelings of satisfaction, goodwill and friendship. Lihat : FO371/187564, Surat M. Walker kepada Commonwealth Relations Office, No 707, 27 May 1966.
106. Surat M. Walker kepada Commonwealth Relations Office, No. 708, 27 Mei 1966. FO371/187564.
107. Surat M. Walker kepada Commonwealth Relations Office, No. 709, 27 Mei 1966. FO371/187564. Menurut Zainal Sulong juga, kedua-dua pihak bersetuju bahawa Bangkok adalah tempat yang sesuai untuk berunding dan lawatan itu bertujuan untuk mewujudkan suasana perhubungan yang lebih baik antara kedua-dua negara di samping membuka ruang yang lebih luas bagi memastikan kejayaan rundingan di Bangkok.
108. Franklin B. Weinstein, *op. cit.* hlm. 53.
109. Surat M. Walker kepada Commonwealth Relations Office, No 708, 27 Mei 1966. FO371/187564.

110. Ibid.
111. Ibid.
112. Ibid.
113. Ibid.
114. Franklin B. Weinstein, op. cit. hlm. 54.
115. Empat orang agen tersebut ialah Des Alwi, Jan Walandouw, Jerry Sumendap dan Daan Mogot yang kesemuanya terlibat dalam pemberontakan PRRI/Permesta kecuali Sumendap.
116. Franklin B. Weinstein, op. cit.hlm. 54.
117. Lihat Nota pertemuan Andrew Gilchrist dengan Ghazali Shafie, 16 April 1966. FO371/187562.
118. Franklin B. Weinstein, op. cit.hlm. 54.
119. Surat James Murray kepada Foreign Office, 27 May 1966. FO371/187564.
120. Ibid.
121. Ibid.
122. Surat A. Rumbold kepada Foreign Office, No. 395, 1 Jun 1966. FO371/187564.
123. Ibid.
124. Ibid.
125. Surat A. Rumbold kepada Foreign Office, No. 400, 1 Jun 1966. FO371/187564.
126. Ibid.
127. Ibid.
128. Ibid.
129. Franklin B. Weinstein, op. cit. hlm. 59.
130. Ibid.
131. Surat James Murray kepada Foreign Office, 2 Jun 1966. FO371/187565.
132. Ibid.
133. Surat A. Rumbold kepada Foreign Office, 2 Jun 1966.FO371/187565.
134. Surat M. Walker kepada Commonwealth Relations Office, 3 Jun 1966.FO371/187565.
135. Ibid
136. Franklin B. Weinstein, op. cit.hlm. 60.
137. Ibid. Pendirian Sukarno yang ingin meneruskan konfrontasi itu bagaimanapun di jawab kembali oleh Adam Malik dengan kenyataan then you will have to fight it yourself.
138. Ibid.
139. Ibid.
140. Ibid. hlm. 61. Lihat juga, Surat M. Walker kepada Commonwealth Relations Office, 3 Jun 1966. FO371/187565.
141. Ibid. hlm. 61.
142. Ibid.
143. Surat James Murray kepada Foreign Office, 7 Jun 1966.FO371/187565.
144. Ibid.
145. Ibid.
146. Ibid.
147. Franklin B. Weinstein, op. cit.hlm. 77.
148. Ibid. hlm. 66. Akhbar yang dikuasai oleh Parti Kristian Indonesia (PKI) ini menganggap penentangan terhadap Malaysia diasaskan kepada kedudukannya sebagai projek neo-kolonialis. Penerimaan terhadap perjanjian itu bermakna Indonesia mengorbankan prinsip mereka dengan menganggap perjanjian di Bangkok itu sebagai

careless even for a moment.

149. Ibid.

150. Ibid.

151. Ibid. hlm. 64. Seperti pihak lain yang menentang perjanjian tersebut, Nasution dan MPRS juga menuntut agar pendirian rakyat Sabah dan Sarawak ditentukan terlebih dahulu melalui referendum sebelum perjanjian tersebut dapat disahkan.

152. Ibid. hlm. 65.

153. Ibid. hlm. 68.

154. Ibid.

155. Ibid. hlm. 69.

156. Ibid. hlm. 74.

157. Dipetik dari Franklin B. Weinstein, op. cit. hlm. 74.

158. Ibid.

159. Ibid. hlm. 75.

160. Surat M. Walker kepada Commonwealth Relations Office, 7 Jun 1966. FO371/187565.

161. Ibid.

162. Ibid.

163. Ibid. hlm. 77.

164. Ibid. hlm. 78.

165. Ibid.

166. Ibid. hlm. 79.

167. Ibid.

168. Agreement to Normalise Relations Between The Republic of Indonesia and Malaysia. FO371/187567.

169. Straits Times, 12 Ogos 1966.

170. Straits Times, 13 Ogos 1966.

171. Dewan Rakyat Malaysia, Perbahasan perjanjian perdamaian dengan Indonesia, Penyata rasmi Dewan Rakyat III (10), 26 Ogos 1966.